

**Najib Serah Borang Untuk Jawatan Ketua Umno Pekan  
Bernama  
21 Sept, 2013**

PEKAN, 21 Sept (Bernama) -- Selain mempertahankan jawatan Presiden Umno, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Pekan pada pemilihan parti bulan depan.

Borang pencalonan beliau untuk bertanding jawatan Ketua Umno bahagian itu diserahkan melalui wakilnya, Setiausaha Umno Bahagian Pekan Datuk Zainal Abidin Pa' Wan, di Bangunan Umno Pekan di sini sejurus selepas 10 pagi ini.

Ia diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Khas Pemilihan Umno Negeri Pahang Datuk Seri Abdul Jabbar Ibrahim.

Najib, 60, memegang jawatan Ketua Umno Bahagian Pekan sejak 1982.

Zainal Abidin, yang ditemui pemberita selepas penyerahan borang itu berkata, Umno Bahagian Pekan menyokong penuh pencalonan Najib di peringkat bahagian dan pusat.

Dalam pada itu, borang pencalonan Najib untuk mempertahankan jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti diserahkan wakilnya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur pada 8 pagi tadi.

Khamis lepas, ketika mengumumkan hasratnya mempertahankan jawatan presiden parti, beliau berkata keputusan itu dibuat berdasarkan sokongan meluas dan kepercayaan yang disuarakan anggota parti termasuk di peringkat akar umbi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=979387>